

Anjuran Bersama :



NADI DIALOG MALAYSIA



Dengan Kerjasama :



إبتدء بحمد الله  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

SUMBANGAN



وَكَلِمَاتُكُمْ أَحْسَنُ وَأَمْرٌ أَوْسَطُ  
Konvensyen  
Wasatiyyah

# KERTAS PEMBENTANGAN KONVENSYEN

**“Satu Milenium Islam di Nusantara: Tinjauan  
Sosio-Sejarah ”**

*Dr. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif*

Konvensyen Wasatiyyah Sempena Satu Milenium Islam di Nusantara

PN PUTRI SAMIAH

23/2/12

# SATU MILENIUM ISLAM DI NUSANTARA: TINJAUAN SOSIO-SEJARAH<sup>1</sup>

Oleh:

**Dr. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif**

*Universiti Sains Islam Malaysia*

## PENDAHULUAN

Perbincangan mengenai kedatangan Islam ke Nusantara sering kali berlegar dalam lima persoalan berikut: Bilakah Islam pertama kali sampai ke Nusantara? Siapakah yang membawa Islam ke Nusantara? Di manakah Islam mula bertapak di Nusantara? Apakah metode penyebaran Islam di Nusantara? Dan bagaimanakah proses islamisasi berlaku di Nusantara?

Sehingga kini, tiada kesepakatan antara kalangan ahli sejarah dan ilmuwan dalam menjawab persoalan-persoalan tersebut. Secara amnya, sarjana Barat lebih cenderung untuk melewati proses islamisasi di Nusantara iaitu sekitar abad ketiga belas masihi menerusi Samudera-Pasai dan banyak teori yang dikemukakan mengenai ejen-ejen islamisasi sama ada menerusi pedagang, tokoh Sufi dan sebagainya. Demikian juga, banyak pandangan diutarakan mengenai asal-usul Islam yang tiba di Nusantara, sama ada dari India, Parsi, China mahupun tanah Arab sendiri. Terdapat juga perbezaan pendapat mengenai bentuk Islam yang pernah mencorakkan pemikiran masyarakat setempat, tidak kurang juga mengenai impak kedatangan Eropah terhadap proses pengislaman masyarakat Nusantara (Azra 2002).

Walau bagaimanapun, bukanlah menjadi tujuan kertas ini untuk membentangkan semula teori-teori mengenai proses islamisasi Nusantara dan segala macam isu yang berkaitan dengannya. Sebaliknya, ia terfokus untuk menyajikan rumusan mengenai tajuk penting ini berdasarkan kepada penelitian terhadap pelbagai sumber yang berkaitan dengan tajuk ini dari pelbagai perspektif terutamanya sejarah dan kemasyarakatan serta pengajaran yang boleh dimanfaatkan daripadanya untuk masyarakat pada hari ini. Selain itu, konsep *wasatiyyah* sebagaimana yang diamalkan oleh masyarakat Islam Nusantara turut dibincangkan untuk menilai sejauh mana kepentingan dan peranannya dalam transformasi, pembangunan dan kesinambungan kehidupan dan tamadun Islam di rantau ini yang telah bermula lebih daripada satu milenium yang lampau lagi.

Penekanan bukan sahaja diberikan kepada teori-teori kontemporari, bahkan merangkumi rujukan terhadap dokumen-dokumen dari pelbagai sumber yang berkaitan. Begitu juga, penelitian terhadap artifak dan bukti fizikal terpilih yang dijumpai di segenap pelosok Nusantara turut diberikan perhatian yang sewajarnya.

---

<sup>1</sup> Kertas kerja ini dibentangkan dalam Konvensyen Wasatiyyah Sempena 1 Milenium Islam di Nusantara pada 9-11 Jun 2011 di Putrajaya anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Nadi Dialog Malaysia (NADI) dengan kerjasama JAKIM.

## KEDATANGAN ISLAM DI NUSANTARA

Secara amnya, proses islamisasi masyarakat Nusantara boleh dibahagikan kepada empat fasa atau gelombang utama seperti berikut:

- Gelombang Pertama: Abad 7 – 12 Masihi
- Gelombang Kedua: Abad 13 – 17 Masihi
- Gelombang Ketiga: Abad 18 – 19 Masihi
- Gelombang Keempat: Abad 20 – Kini

### **Gelombang Pertama: Abad 7 – 12 Masihi**

Gelombang pertama menandakan tempoh masa kedatangan awal Islam ke Nusantara. Ia juga merupakan fasa pengasasan dan penyebaran Islam di kawasan tertentu di Nusantara. Selain hubungan yang wujud secara langsung antara masyarakat Nusantara dan orang Islam, terdapat juga bukti mengenai pembentukan pemerintahan Islam di lokaliti tertentu dan dalam konteks yang terhad. Walau bagaimanapun, tidak banyak maklumat lanjut yang diperolehi mengenai peranan Islam dan pengaruhnya kepada masyarakat dalam skala yang besar dalam tempoh ini.

Secara amnya, ramai daripada kalangan sarjana serantau mempercayai Islam telah tiba di Nusantara pada awal abad Islam lagi dan telah memainkan peranan yang besar dalam kehidupan masyarakat. Ini berdasarkan kepada kedudukan dan fungsi penting yang dimainkan oleh masyarakat Nusantara dalam perdagangan dunia ketika itu. Lokasinya yang terletak di pertengahan laluan dari Timur ke Barat menjadikannya laluan perdagangan yang penting di samping kekayaan semula jadi peribuminya dengan komoditi berharga termasuk emas, rempah-ratus, kayu gaharu dan sebagainya.

Justeru, hubungan antara Nusantara dengan dunia luar sudah bermula sejak ribuan tahun yang lalu, terutamanya dari aspek perdagangan. Bahkan, hubungan dengan Timur Tengah secara khusus juga sudah bermula semenjak era Sebelum Masihi lagi. Pelayar-pelayar Melayu yang terkenal sebagai antara yang terbaik, telah berlayar merentasi lautan tanpa bantuan kompas mahupun peta, tetapi berbekalkan kemahiran dan pengalaman yang diwarisi turun temurun. Mereka membekalkan rempah-ratus terutamanya kulit kayu manis dari Selatan China ke pasaran di Afrika dan Mediterranean sebelum bermulanya lagi jalan perdagangan darat atau laut yang dikenali sebagai “laluan sutera”. Menariknya juga, pernah wujud sebuah penempatan kecil masyarakat Melayu di bandar pelabuhan Aden di Yaman seawal tahun 35 Sebelum Masihi (Shaffer 1996: 11-16). Ini membuktikan hubungan antara dunia luar terutamanya orang Arab dengan masyarakat Melayu Nusantara sudah bermula sebelum kelahiran Nabi Muhammad SAW lagi.

Pada masa yang sama, bangsa Arab juga sudah mengetahui ilmu pelayaran sejak daripada zaman pra-Islam lagi. Walau bagaimanapun, kebangkitan Islam memberikan nafas baru kepada aktiviti kelautan dan menyemarakkan aktiviti pelayaran bangsa Arab ke seluruh

pelosok benua. Pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman ibn 'Affan, pelayaran Arab berkembang dengan begitu maju. Selain menggempur tentera Rom di Laut Mediterranean berkali-kali bermula tahun 28 Hijrah (649 Masihi), orang Islam turut menakluki kebanyakan pulau berhampiran. Demikian juga, angkatan laut telah dihantar ke India pada tahun yang sama menerusi Bahrain. Seterusnya, era pemerintahan Umaiyyah dan Abbasiyyah turut menyaksikan perkembangan yang pesat orang Islam dalam bidang kelautan sebagai wasilah kepada keperluan mereka, sama ada perdagangan, peperangan dan sebagainya (Nadvi 1992).

Justeru, Islam dipercayai telah dibawa masuk ke Nusantara di peringkat awal Islam lagi menerusi para pedagang Arab yang aktif berulang-alik ke Timur untuk berniaga. Bangsa Arab telah mendominasi aktiviti perdagangan Sri Lanka semenjak daripada kurun kedua Sebelum Masihi lagi, dan menjelang kurun ketujuh Masihi, mereka telah aktif berdagang dengan China menerusi Sri Lanka. Pada abad kelapan Masihi, terdapat komuniti pedagang Arab di Canton, China dalam jumlah yang besar sehingga kedatangan Portugis dan orang Eropah yang menyaksikan kemerosotan dominasi bangsa Arab. Berdasarkan sumber sejarah China, terdapat catatan mengenai seorang berbangsa Arab yang berperanan sebagai ketua kepada penempatan orang Arab di pantai barat Sumatera pada tahun 674 Masihi (Arnold 1986).

Penulis dan teks geografi Arab pula memperihalkan mengenai Nusantara mulai daripada kurun kesembilan Masihi. Misalnya, karya *Akhbar al-Sin wa al-Hind* menggambarkan lokasi Kalah (Kedah?) yang dikatakan berada di bawah Kerajaan Zabaj (Srivijaya). Penduduknya pula memakai kain sarung. Menurut Ibn Khurdadhbih, kira-kira dua hari perjalanan dari Kalah, terdapat pulau Balus (Barus?) yang menghasilkan kapur barus, pisang, kelapa, gula dan beras yang bermutu tinggi. Pada abad berikutnya, al-Mas'udi pula menceritakan mengenai kedudukan Kalah yang terletak di pertengahan jalan ke China. Ia menjadi pusat perhentian dan pertemuan kapal-kapal dagang Islam dari Oman dan China. Pedagang Islam yang ingin ke China akan berhenti di Kalah dan menaiki pula kapal China yang berulang-alik ke pelabuhan Khanfu (Canton). Selain itu, banyak lagi tempat lain yang turut dinyatakan seperti Tiyuma (Pulau Tioman), Fanhang (Pahang), Lamuri (Aceh), Fansur (Sumatera), Bintan, dan sebagainya (Tibbetts 1979).

Ini jelas membuktikan orang-orang Islam pernah mengunjungi lokasi-lokasi yang dibincangkan di atas sebagai pedagang, pengembara dan mungkin juga sebagai pendakwah untuk menyebarkan Islam. Menariknya juga, situasi perdagangan ketika itu turut menggamit kedatangan bukan sahaja pedagang Arab, bahkan juga dari Parsi dan India yang lebih hampir dengan Nusantara dan telah pun mempunyai hubungan yang erat dengan masyarakat tempatan sejak zaman berzaman lagi. Dalam konteks Semenanjung Tanah Melayu khususnya, terdapat beberapa penemuan artifak pecahan porselin China, kaca dan manik dari India, serta artifak dari Timur Tengah seperti serpihan kaca, duit syiling dirham dan tembikar Samarra yang dijumpai di Lembah Bujang, Kedah yang mengunjurkan statusnya sebagai tempat perdagangan yang penting dan unggul sekitar abad keempat hingga abad keempat belas Masihi (Mohd Supian 2002: 138-139). Demikian juga, pernah ditemui batu nisan yang mencatatkan nama Syekh Abdul Qadir Husin Shah bertarikh 290 Hijrah (902 Masihi) di

Tanjung Aris, Langgar, Kedah. Ini membuktikan pedagang/pendakwah berkenaan sudah pun sampai dan menetap di Kedah mungkin seawal abad kesembilan lagi (Abdullah 1990: 135).

Walau bagaimanapun, sumber terpenting yang menyatakan tentang kedatangan Islam secara rasminya ke Nusantara dapat diperhatikan menerusi sebuah teks Melayu tua bertajuk *Izhar al-Haq fi Mamlakah Perlak* karangan Abu Ishaq al-Makarani al-Fasi. Menurut teks ini, diperihalkan sebuah kapal layar yang membawa seratus orang pendakwah Islam telah berlabuh di Bandar Perlak (Peureulak) pada tahun 790 Masihi. Rombongan ini diketuai oleh Nakhoda Khalifah yang datang dari Gujerat. Salah seorang daripada pendakwah tersebut bernama Ali ibn Muhammad Jaafar Sadiq yang berfahaman Syiah dan memberontak kepada Khalifah al-Makmun. Dalam pemberontakan itu, beliau telah kalah. Khalifah memerintahkannya keluar dari negeri Arab untuk berdakwah. Inilah sebabnya beliau mengikuti rombongan yang datang ke Nusantara. Tidak lama kemudian, beliau berkahwin dengan puteri istana Perlak. Putera pertama hasil perkahwinannya ini iaitu Syed Maulana Abdul Aziz Shah kemudiannya ditabalkan sebagai sultan pertama di Kesultanan Perlak pada tahun 840 Masihi (Darmawijaya 2010).

Kemudiannya, Kesultanan Perlak dipimpin oleh beberapa orang sultan lagi sehingga tahun 913 Masihi. Selepas kewafatan Sultan Syed Maulana Abbas Shah, berlaku perang saudara di Perlak antara pengikut Ahli Sunnah wal Jamaah dan pengikut Syiah. Peperangan yang sama juga berlaku sekitar tahun 918 Masihi dan berakhir dengan kemenangan pengikut Ahli Sunnah. Di akhir abad kesepuluh Masihi juga, terjadi lagi pertikaian antara pengikut Ahli Sunnah dan Syiah yang mengakibatkan wilayah Perlak terbahagi kepada dua: Bahagian pesisir dikuasai oleh orang Syiah dan bahagian pedalaman dikuasai oleh orang Ahli Sunnah yang dipimpin oleh Makhdum Alaidin Malik Ibrahim Shah Johan Berdaulat yang memerintah pada tahun 986-1023 Masihi. Akibat serangan daripada Kerajaan Buddha Srivijaya pada 986 Masihi, Kesultanan Perlak Pesisir kehilangan sultannya. Sultan Makhdum Alaidin Malik Ibrahim akhirnya menguasai kedua-dua bahagian Perlak dan memimpin rakyat menentang Srivijaya. Peperangan berakhir pada tahun 1006 Masihi dan Perlak selanjutnya diperintah oleh sultan yang berfahaman Ahli Sunnah wal Jamaah (Darmawijaya 2010).

Berdasarkan teks ini, Islam sudah pun tiba secara rasminya di Perlak pada abad kelapan Masihi lagi, sementara kerajaan Islam pertama pula ditubuhkan pada pertengahan abad kesembilan Masihi. Walau bagaimanapun, kebanyakan sarjana Barat berpandangan kerajaan Islam pertama di Nusantara ialah Samudera-Pasai menerusi pengislaman Meurah Silu (Sultan Malik al-Salih) pada abad ketiga belas. Perkara ini berlaku disebabkan mereka tidak memerhatikan teks *Izhar al-Haq* yang dinyatakan di atas.

Tidak dapat dinafikan wujud beberapa persoalan mengenai integriti teks ini, namun ia telah pun dibincangkan dan dirungkaikan dari pelbagai aspek seperti filologi dan sebagainya, yang terkini pada “Seminar Internasional Peureulak Sebagai Pusat Peradaban Terawal di Asia Tenggara” yang berlangsung di IAIN al-Raniry, Banda Aceh pada 30 Oktober 2010 yang lepas.

Di samping itu, terdapat juga pandangan sarjana tempatan yang menjangkakan ketibaan Islam lebih awal dari yang dinyatakan di atas iaitu semenjak tahun 674 Masihi ketika pemerintahan Kerajaan Bani Umaiyah lagi (Hashim 2004, Abdullah 1990), dan berdasarkan Sejarah Aceh pula, Islam telah dibawa masuk ke Sumatera sekitar tahun 506 Hijrah (1112 Masihi) oleh seorang pendakwah Arab yang dikenali sebagai Syeikh Abdullah 'Arif (al-Attas 1969).

Jika diperhatikan tarikh-tarikh yang dinyatakan ini, terdapat trend serupa yang menyokong kedatangan Islam dalam jangka masa yang hampir sama. Misalnya, terdapat bukti-bukti sejarah dan penemuan arkeologi termasuk batu nisan dari Champa, Surabaya dan sebagainya yang membuktikan kewujudan Islam pada abad kesepuluh Masihi. Sumber teks China mengenai kerajaan Hindu lama di Champa pada abad kesepuluh juga merekodkan nama kewujudan beberapa orang Islam seperti Pu Lo E atau Abu Ah, Hu Xuan atau Hussein dan sebagainya yang berkemungkinan besar merupakan pegawai istana ataupun pedagang ketika itu (Hussin 2008).

Menurut sebuah riwayat dari China juga, Raja Puni (Brunei) telah menghantar utusannya ke China yang diketuai oleh Pu Ya-Li, Qadi Kasim dan Syeikh Noh (Shih Nu) pada tahun 977 Masihi. Ini membuktikan Islam sudah lama bertapak di Brunei walaupun ia hanya diisytihar sebagai agama rasmi ketika pemerintahan Sultan Muhammad Shah sekitar tahun 1368 Masihi (al-Sufri 2001).

Demikian juga, diberitakan bahawa seorang syeikh dari Patani telah datang ke Kelantan membawa Islam sekitar pertengahan abad kedua belas dan menurut sesetengah pengkaji (Sa'ad 1971), dinar emas yang dijumpai di kawasan Kota Kubang Labu mencatatkan ungkapan dalam bahasa Arab berbunyi: "al-Julus Kelantan 577". Diandaikan bahawa nombor ini menyatakan tarikh dinar tersebut iaitu 577 Hijrah bersamaan 1181 Masihi.

Ringkasnya, dapat disimpulkan di sini kedatangan awal Islam ke seluruh pelosok Nusantara adalah menerusi para pedagang dan pendakwah yang datang dari Timur Tengah, Parsi dan India seperti yang dibincangkan di atas. Walaupun ada di antara mereka yang berjaya mengasaskan pemerintahan Islam seperti di Perlak, namun proses islamisasi massa hanya berlaku bermula abad ketiga belas Masihi sahaja seperti yang akan dibincangkan di bawah.

### **Gelombang Kedua: Abad 13 – 17 Masihi**

Gelombang kedua melambangkan perkembangan dan pengembangan agama Islam secara lebih meluas di Nusantara menerusi pengaruh beberapa pemerintahan dan kerajaan yang menerima Islam sebagai agama rasmi dan berperanan sebagai pusat perkembangan Islam. Kekuatan, kemakmuran dan kemasyhuran yang dimiliki oleh kerajaan-kerajaan tersebut membantu melonjakkan penerimaan Islam dalam kalangan masyarakat dengan lebih meluas dan berkesan.

Antara kerajaan yang berpengaruh dalam penyebaran Islam ialah Kesultanan Samudera-Pasai. Rajanya yang bernama Meurah Silu (Sultan Malik al-Salih) berserta rakyatnya memeluk agama Islam setelah mendapat seruan dakwah daripada Syeikh Ismail dan rombongannya yang datang dari Mekah sekitar abad ketiga belas Masihi. Beliau

kemudiannya berkahwin dengan Puteri Ganggang dari Kesultanan Perlak dan dikurniakan seorang anak lelaki. Sewaktu pemerintahan anaknya ini iaitu Malik al-Zahir (1326-1349 Masihi) Kesultanan Samudera-Pasai menikmati zaman keemasannya. Menurut pengamatan Ibn Batutah (t.th.: 706) yang singgah di Pasai pada tahun 1346 Masihi, Sultan Malik al-Zahir bukan sahaja teguh berpegang kepada mazhab Syafi'i, bahkan sangat memberikan perhatian terhadap urusan agama dan sering mengadakan majlis-majlis ilmu bersama-sama ulama yang pakar dalam fiqah, syair dan falsafah. Beliau juga mengisytiharkan perang terhadap penyembah berhala dan memungut ufti (*jizyah*) daripada mereka.

Justeru, Samudera-Pasai bangkit sebagai bandar niaga yang dikunjungi oleh para pedagang dari dalam dan luar Nusantara dan ia juga berperanan sebagai pusat kebudayaan dan pengembangan syiar Islam. Di samping membangunkan Pasai, Sultan Malik al-Zahir turut mengutus ulama ke pelbagai wilayah di Nusantara untuk berdakwah. Misalnya, beliau mengutuskan Maulana Malik Ibrahim dan Maulana Ishak untuk berdakwah di Pulau Jawa serta mengutuskan sekumpulan pendakwah ke Sulawesi di bawah pimpinan Raja Abdul Jalil bin Sultan al-Qahhar dan seorang ulama Arab bernama Syeikh Ali al-Qaisar. Walau bagaimanapun, sewaktu pemerintahan Sultan Ahmad, Pasai diserang dan dikalahkan oleh Kerajaan Majapahit. Akibat daripada kekalahan ini dan juga saingan daripada Melaka di awal abad kelima belas, mengakibatkan kemerosotan posisi Pasai sebagai pusat perdagangan di Nusantara (Darmawijaya 2010).

Di Semenanjung Tanah Melayu pula, terdapat indikasi akan kewujudan sebuah pusat tamadun di kawasan pantai timur yang sezaman dengan Kerajaan Samudera-Pasai. Ini berdasarkan kepada inskripsi yang terdapat pada Batu Bersurat Terengganu bertarikh 1303 Masihi yang mengunjurkan pelaksanaan hukum-hakam Islam dalam urusan seharian (Hashim 2004: 41, Abdullah 1990: 38). Walau bagaimanapun, tiada maklumat lanjut diketahui mengenai peranan dan pengaruh pusat ini.

Menjelang awal abad kelima belas, Melaka bangkit sebagai bandar pelabuhan yang penting di Nusantara. Kedudukan geografinya yang strategik di samping dasar pentadbiran dan kemudahan yang disediakan oleh Parameswara berjaya menarik minat para pedagang asing untuk berkunjung dan berdagang di Melaka. Beliau juga mendapatkan perlindungan China sebagai strategi untuk melindungi diri daripada ancaman Siam dan kerajaan lainnya. Menjelang akhir pemerintahannya (1414 Masihi), Parameswara memeluk agama Islam setelah mendapat seruan dakwah dari seorang ulama yang datang dari Jeddah. Beliau menukar namanya kepada Sultan Iskandar Shah dan berkahwin dengan puteri dari Kesultanan Pasai.

Pengislaman Melaka menandakan peranan barunya sebagai pusat tamadun dan penyebaran Islam serantau. Selain daripada kebanjiran pedagang Islam yang turut melonjakkan aktiviti dakwah, Sultan Melaka turut membangunkan masjid dan surau sebagai tempat untuk mengajar dan mengembangkan syiar Islam. Bahkan Sultan dan para pembesar kerajaan juga menunaikan solat terawih di masjid di bulan Ramadan. Di bawah pemerintahan Sultan

Muzaffar Shah (1446-1456 Masihi), syiar-syiar Islam telah berkembang dengan baik. Melaka juga menghantar mubaligh-mubaligh ke wilayah yang dikuasainya untuk menyebarkan Islam.

Kemuncak kegemilangan Melaka adalah sewaktu pemerintahan Sultan Mansur Shah (1456-1477 Masihi). Selain aktiviti dakwah yang berterusan, golongan ulama juga diberikan penghormatan yang tinggi. Dalam *Sejarah Melayu* (2003: 156), ada diceritakan mengenai kedatangan Maulana Abu Bakar dari Jeddah yang membawa bersama kitab *al-Durr al-Manzum* [sic]. Besar kemungkinannya kitab ini membahaskan ilmu teologi dari perspektif tasawuf dan membincangkan, antara lain, isu zat, sifat dan *af'al*. Kesungguhan Sultan Mansur Shah untuk mendalami ilmu agama menyaksikannya berguru kepada Maulana Abu Bakar dan mengutuskan kitab ini ke Pasai untuk diterjemahkan.

Sewaktu pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah pula, dasar pengembangan Islam diteruskan dengan penerapan undang-undang Islam dalam pentadbiran dan hukuman jenayah. Hasilnya, Melaka maju dan makmur dari aspek ekonomi serta aman dan damai dari perlakuan jenayah. Walau bagaimanapun, pemerintahan Sultan Mahmud Shah menandakan bermulanya era kemerosotan Melaka. Kemuncaknya ialah kejatuhan Melaka di tangan Portugis yang berjaya menaklukinya pada tahun 1511 Masihi. Dengan kejatuhan ini, berakhirlah kegemilangan dan peranan Melaka selaku pusat perekonomian dan penyebaran agama di rantau ini. Para pedagang dan mubaligh Islam segera keluar dari Melaka dan menjadikan daerah-daerah lain sebagai pusat niaga dan penyebaran Islam yang baru di Nusantara. Ini bertitik-tolak daripada dasar Portugis yang menzahirkan kebencian terhadap Islam dan berazam untuk menyekat penyebaran Islam di rantau ini (Darmawijaya 2010).

Aceh merupakan sebuah kerajaan yang berjaya mengambil alih peranan Melaka setelah kejatuhannya. Raja Aceh yang pertama iaitu Sultan Alauddin Ali Mughayat Shah (1511-1530 Masihi) merupakan keturunan Raja Pasai yang berjaya menyatupadukan wilayah-wilayah di Sumatera Utara. Pada zaman kegemilangannya, Aceh berjaya menjadi sebuah empayar Islam yang gagah, berpengaruh dan mempunyai wilayah takluk yang luas di Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu. Sudah menjadi dasar Kerajaan Aceh sejak daripada awal lagi untuk menghancurkan Portugis dan kegiatan perdagangan mereka di Selat Melaka. Justeru, Aceh sering meniupkan semangat jihad dalam kalangan rakyatnya dan berusaha untuk memperkukuhkan institusi pengajian Islam dalam negeri di samping menyebarkannya ke luar untuk mengimbangi agama Kristian yang dibawa oleh Portugis (Abdullah 1990).

Walaupun Aceh tidak berjaya menghalang pemerintahan Portugis menerusi peperangan, namun ia berjaya menyekat penyebaran agama Kristian daripada tersebar dengan meluas. Aceh juga telah mengadakan hubungan persahabatan dan diplomatik dengan negara-negara Islam lain seperti India, Turki, Mekah dan Mesir. Hubungan ini bukan sahaja memberikan manfaat kepada Aceh dari aspek politik dan ketenteraan, bahkan para ulama berduyun-duyun mengunjungi negeri ini dalam usaha untuk membantu gerakan dakwah dan meningkatkan lagi tahap penguasaan ilmu-ilmu agama dalam kalangan masyarakat. Gabungan antara ulama antarabangsa seperti Syeikh Abdul Qadir ibn Hajar dan Syeikh Muhammad Yamani dari Mekah, serta Syeikh Muhammad Jailani ibn Muhammad al-Raniri dari Gujerat dengan ulama

tempat-tempat seumpama Hamzah al-Fansuri, Shamsuddin Pasai, Abdul Rauf al-Fansuri, Bukhari al-Jauhari, Tun Seri Lanang dan sebagainya telah melonjakkan Aceh sebagai pusat keintelektualan Islam serantau dan digelar sebagai “Serambi Mekah”. Selain mengajar, mereka turut menghasilkan buku dalam pelbagai bidang menggunakan bahasa Arab serta bahasa Melayu dalam tulisan Jawi dan berjaya menyemarakkan penyebaran ilmu dengan lebih meluas dalam masyarakat serantau (Abdullah 1990).

Kemerosotan Aceh bermula selepas kematian Sultan Iskandar Thani (1641 Masihi). Kerana tidak memiliki zuriat, tampuk pemerintahan diambil alih oleh isterinya Sri Sultan Tajus Safiyatuddin Shah (1641-1675 Masihi). Sri Sultan lebih menitikberatkan bidang pendidikan dan banyak mengirinkan kitab agama dan al-Quran kepada raja-raja di Ternate, Tidore, Bacan dan Maluku Utara berserta para guru agama dan mubaligh. Walau bagaimanapun, dari aspek politik dan ekonomi, kuasa dan pengaruh Aceh mulai merosot. Di sebalik keupayaan Aceh mengekalkan kesultannya sehingga awal abad kedua puluh, namun ia tidak berupaya mengembalikan semula pengaruh dan kuasanya seperti yang dinikmati sewaktu era kemilangannya (Darmawijaya 2010: 46).

Ringkasnya, menjelang akhir abad ketujuh belas, boleh dikatakan bahawa sebahagian besar daripada wilayah Nusantara telah menerima cahaya Islam. Sejak daripada pengislaman massa di era Samudera-Pasai dan kemudiannya Melaka, aktiviti penyebaran Islam menjadi bertambah giat. Peranan ini bukan sahaja dimainkan oleh mubaligh dari luar, bahkan juga oleh orang-orang Melayu sendiri yang meneruskan tradisi merantau ke segenap pelosok Nusantara seperti di Makassar, Buton dan Nusa Tenggara Barat untuk tujuan berdagang dan sebagainya. Pada masa yang sama, mereka turut membawa Islam bersama-sama mereka dan menyumbang sebagai salah satu ejen islamisasi di rantau ini (Hussin 2008: 8).

Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada aktiviti islamisasi massa dalam gelombang ini yang tidak terdapat sebelumnya. Menurut Alatas (1985), antaranya ialah motif ekonomi dan politik, persaingan antara orang Islam dan Portugis, asimilasi menerusi perkahwinan campur antara orang Islam dengan masyarakat tempatan serta peranan aktif tokoh-tokoh Sufi dalam penyebaran dakwah Islam di Nusantara.

### **Gelombang Ketiga: Abad 18 – 19 Masihi**

Gelombang Ketiga islamisasi menyaksikan fasa pengukuhan pemahaman dan amalan Islam dalam kalangan masyarakat serantau. Menjelang awal abad kelapan belas, Islam telah tersebar dengan meluas dan menjadi agama anutan majoriti masyarakat di Nusantara. Justeru, tumpuan para pendakwah dan mubaligh Islam beralih kepada usaha pengukuhan dan pemantapan ajaran Islam supaya ia dapat dihayati sepenuhnya. Menariknya, al-Attas (1969: 30) turut melabelkan tempoh masa mulai abad kelapan belas Masihi sebagai fasa kesinambungan konversi fizikal dan penyempurnaan konversi jiwa atau intelektual berdasarkan pandangan hidup Islam. Ia juga melambangkan periode interaksi dengan pengaruh-pengaruh kebudayaan Barat di Nusantara.

Perlu dinyatakan di sini bahawa pada fasa ini juga, kebanyakan daripada wilayah di Nusantara berada di bawah cengkaman penjajahan Barat. Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura berada di bawah kekuasaan British dan sebahagian besar Indonesia pula di bawah kekuasaan Belanda, manakala Kepulauan Filipina pula berada di bawah cengkaman Sepanyol. Walaupun majoriti masyarakat sudah beragama Islam, namun mereka terpaksa menyesuaikan diri dengan dasar dan cengkaman kuasa kolonial yang berusaha untuk mengeksploitasi wilayah jajahan mereka di samping memastikan kesinambungan pemerintahan mereka.

Justeru, kebanyakan daripada kesultanan yang masih bersisa pada fasa ini telah hilang kedaulatan politik dan ekonominya melainkan pada sesetengah aspek tertentu seperti agama dan adat. Jika diambil contoh daripada sejarah kesultanan Islam di Jawa misalnya, akan menzahirkan senario ini dengan jelas. Bermula dengan Kesultanan Demak yang diasaskan pada tahun 1478 Masihi oleh Raden Fatah, muncul selepasnya beberapa kesultanan Islam lain di Pulau Jawa yang berpengaruh dalam perdagangan dan penyebaran Islam seperti Kesultanan Pajang, Kesultanan Banten yang diasaskan oleh Sunan Gunung Jati pada tahun 1525 Masihi, Kesultanan Cirebon dan Kesultanan Mataram. Sewaktu zaman kegemilangannya, Mataram di bawah pimpinan Sultan Agung (1613-1645 Masihi) telah melaksanakan hukum-hakam Islam termasuk hukum *qisas* dan sebagainya dan beberapa kali berusaha untuk menawan Betawi (Batavia) yang menjadi pusat kepada Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC). Walaupun tewas, Mataram menjadi simbol kekuatan Islam dan penduduk Jawa yang menentang hegemoni mutlak Belanda di pulau berkenaan.

Walau bagaimanapun, sekitar pertengahan abad kelapan belas, Mataram merosot akibat krisis kepimpinan dalaman yang menyaksikan semakin kuatnya campur tangan Belanda. Hasilnya, Belanda berjaya memecahkan Mataram kepada dua kesultanan iaitu Kesultanan Surakarta dan Kesultanan Jogjakarta. Setiap kesultanan ini kemudiannya dipecahkan lagi sehingga tidak mampu untuk mendapatkan semula kedaulatannya. Usaha Pangeran Diponegoro ketika Perang Jawa (1825-1830 Masihi) untuk menyatupadukan Pulau Jawa di bawah panji-panji Islam sebagaimana yang pernah dilakukan oleh Sultan Agung dahulu juga menemui kegagalan akibat ditipu oleh Belanda (Darmawijaya 2010). Justeru, dari aspek politik dan ekonomi, umat Islam di Nusantara secara amnya bergantung sepenuhnya kepada dasar dan kehendak pemerintah kolonial.

Antara ciri utama fasa ini juga ialah kemunculan sejumlah besar ulama yang memainkan peranan yang penting dalam segala hal-ehwal berkaitan agama. Mereka bukan sahaja bertanggungjawab memandu masyarakat terhadap amalan yang disyariatkan, bahkan juga berperanan sebagai pengawal yang memantau dan membanteras sebarang perkara atau ideologi yang tidak selari dengan syariat Islam. Walaupun golongan ulama sudah tiba seawal kedatangan Islam di Nusantara lagi, namun peranan mereka terzahir dengan lebih ketara pada fasa ini.

Mungkin proses akulturasi intelektual secara intensif yang bermula semenjak era Kesultanan Aceh yang menyaksikan konfrontasi dan kontroversi dalam pentafsiran isu ketuhanan dan

metafizika berdasarkan perspektif tasawuf dan falsafah telah menjadi pemangkin kepada peningkatan minat masyarakat tempatan untuk mendalami ilmu-ilmu agama secara lebih mendalam. Ia juga membawa mereka untuk merantau, pada mulanya ke India dan wilayah sekitar, dan akhirnya ke nusa teras Islam sendiri iaitu di Semenanjung Tanah Arab. Justeru, muncul sejumlah tokoh ulama seumpama Syeikh Abdul Samad al-Falimbani, Syeikh Dawud al-Fatani, Syeikh Nawawi al-Bantani, Syeikh Wan Ali Kutan al-Kalantani, Syeikh Ahmad al-Fatani dan ramai lagi yang banyak menyumbang ke arah pembangunan etika dan fahaman keagamaan masyarakat Nusantara.

Mereka bukan sahaja aktif mengajar, bahkan sesetengahnya juga banyak menghasilkan karya, sama ada dalam bahasa Melayu mahupun bahasa Arab, yang masih lagi digunakan sebagai teks pengajian sehingga ke hari ini. Secara tidak langsung, menerusi sumbangan yang dicurahkan oleh para ulama ini telah berjaya menyemarakkan lagi aktiviti pendidikan agama dalam kalangan masyarakat menerusi institusi-institusi seperti pondok, pesantren, dayah, meunasah, langgar dan sebagainya yang dibangunkan di segenap pelosok Nusantara (A.Al-Qari 1991).

Sebahagian daripada mereka juga berdomisil di Mekah dan membentuk sebuah koloni orang Nusantara yang aktif bergiat dalam bidang pendidikan agama (Snouck Hurgronje 1931). Para pelajar lepasan “un iversiti” Masjidil Haram dan Mekah ini akhirnya berperanan sebagai kader-kader dan ejen-ejen perubahan sekembalinya mereka ke tanah air.

Berbanding dengan kecenderungan mistik yang mewarnai fasa-fasa sebelumnya, periode gelombang ketiga ini menyaksikan kebangkitan pengaruh ortodoksi dalam pemikiran keagamaan menerusi aliran Ash’ariyyah dalam teologi, mazhab Syafi’i dalam aspek ritual dan Imam al-Ghazali dalam aspek tasawuf. Ringkasnya, usaha para ulama pada fasa ini dalam memperkukuhkan ajaran Islam berteraskan Quran dan Sunnah telah mengarusperdanakan dan memartabatkan fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah sebagai aliran perdana agama Islam yang dianuti oleh majoriti masyarakat Islam di Nusantara sehingga ke hari ini (M.Mustaqim 2008).

#### **Gelombang Keempat: Abad 20 – Kini**

Gelombang keempat islamisasi di Nusantara merujuk kepada kedudukan dan peranan Islam di era moden yang bermula sejak daripada abad kedua puluh sehinggalah ke hari ini. Fasa ini menyaksikan kemunculan pelbagai aliran, fahaman dan pemikiran keagamaan yang sering menimbulkan konfrontasi dan kontroversi dalam kalangan masyarakat Islam serantau.

Di awal abad kedua puluh, dunia Islam menyaksikan kemunculan gerakan reformasi pemikiran agama atau islah yang diterajui oleh Syeikh Jamaluddin al-Afghani dan muridnya Muhammad Abduh. Gerakan ini bertapak dengan kukuh di Mesir dan ramai daripada pendokongnya merupakan tenaga pengajar dari Universiti al-Azhar termasuk Abduh dan muridnya Sayyid Rashid Rida. Ia menekankan peri pentingnya berpegang kepada ajaran Quran dan Sunnah seperti yang diamalkan oleh golongan salaf untuk memulihkan semula

“kelesuan” dan “kemunduran” umat Islam yang dibelenggu konsep taklid. Mereka juga menyarankan agar konsep ijtihad dihidupkan semula untuk masalah umat (Brown 1996).

Fahaman ini dibawa masuk ke Nusantara menerusi generasi muda pelajar-pelajar yang bergraduasi dari Universiti al-Azhar dan terpengaruh dengan ideologi islah. Mereka berhasrat untuk memulihkan semula roh Islam dalam kalangan masyarakat dengan membanteras taklid dan ajaran yang mereka fikirkan sebagai bertentangan dan menjadi punca kemunduran umat. Walau bagaimanapun, usaha mereka ini menimbulkan konfrontasi dengan para ulama yang masih berpegang kepada metode tradisional dan mendukung taklid. Akibat daripada pertembungan ini, masyarakat Islam terbahagi kepada dua aliran iaitu aliran islah (kaum muda) dan aliran tradisional (kaum tua). Walaupun akhirnya kedua-dua aliran ini dapat berkompromi dalam banyak perkara pokok, namun konfrontasi yang berpanjangan selama puluhan tahun telah memecahkan masyarakat Islam kepada dua kumpulan dan memberikan kesannya dalam pelbagai aspek kehidupan seperti politik dan seumpamanya sebagaimana yang boleh dilihat menerusi kes Nahdlatul Ulama dan Muhammadiyah di Indonesia.

Selain itu, fasa ini juga menyaksikan kemunculan semula beberapa fahaman dan ideologi radikal seperti Syiah, ajaran sesat seperti Qadiani dan sebagainya di samping aliran-aliran pemikiran seperti tradisionalisme, neotradisionalisme, modernisme, reformisme, neoreformisme dan sebagainya yang memberikan pendekatan yang berbeza terhadap Islam (Abdul Rahman 1997). Akhir-akhir ini pula, muncul gerakan anti hadis, Islam Liberal, neoliteralisme, ekstremisme dan radikalisme yang menggoncang teras yang terbina di atasnya ideologi Islam seperti yang diamalkan masyarakat Islam Nusantara sejak zaman berzaman lagi. Ini bukan sahaja menimbulkan cabaran baru kepada masyarakat Islam untuk mempertahankan pegangan agama mereka, bahkan juga menjadi halangan yang perlu ditangani supaya tidak merobek kesejahteraan dan perpaduan masyarakat Islam.

Selain itu, dalam fasa ini juga, wilayah-wilayah di Nusantara mencapai kemerdekaannya daripada cengkaman penjajah dan membentuk corak pemerintahan dan kerajaan yang berdaulat berlandaskan sistem negara bangsa (*nation state system*). Perubahan iklim politik, ekonomi dan sosial yang berlaku selaras dengan konsep negara moden banyak memberikan implikasi terhadap institusi dan persekitaran sosial tradisional masyarakat Islam. Sebagai contoh, sistem monarki mutlak digantikan dengan sistem demokrasi berperlembagaan, dan di sesetengah negara, peranan sultan diambil alih sepenuhnya oleh presiden dalam sistem republik. Jawatan agama dan peranan ulama tradisional juga mengalami revolusi yang menyaksikan pembirokrasian jawatan-jawatan agama, mufti dan sebagainya.

Kedudukan dan peranan Islam juga bergantung pada sistem politik semasa yang dinamik dan berubah dari semasa ke semasa. Menurut Hussin (2008: 9-12), bertitik tolak daripada dasar penjajahan kolonial yang berusaha untuk mengurangkan pengaruh dan kuasa Islam dalam masyarakat, sama ada secara langsung atau tidak langsung, cabaran umat Islam Nusantara di era pasca kolonial ini berkisar pada empat aspek berikut, iaitu: Sistem dan paradigma pemerintahan negara, bilangan orang Islam dalam sesebuah negara sama ada majoriti atau minoriti, pengaruh sekeliling terhadap Islam dan faktor antarabangsa.

Dari aspek sistem pemerintahan negara, tidak banyak negara moden di Nusantara yang menjadikan Islam sebagai agama rasminya walaupun mempunyai majoriti penduduk beragama Islam. Selain Malaysia dan Negara Brunei Darussalam, kebanyakan negara lain mengambil pendekatan sekular dalam aspek ini. Namun, ini tidak bermakna bahawa negara yang menjadikan Islam sebagai agama rasminya bebas daripada ancaman dan cabaran. Baru-baru ini misalnya, kita dikejutkan dengan desas-desus terdapat usaha-usaha ke arah menjadikan Kristian sebagai agama rasmi di Malaysia. Walaupun Y.A.B. Perdana Menteri telah memberikan jaminannya terhadap kedudukan Islam (Utusan Malaysia 12 Mei 2011), ini membuktikan wujudnya sentimen dan percubaan untuk menggugat perkara ini walaupun ia dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Ini sebenarnya juga berkait rapat dengan aspek kedua dan ketiga yang dinyatakan di atas iaitu bilangan orang Islam dalam sesebuah negara sama ada membentuk majoriti atau minoriti dan pengaruh sekeliling seperti kefahaman, sensitiviti dan penyatuan umat Islam yang turut menyumbang kepada pemertabatan Islam dalam sesebuah negara.

Selain itu, dalam dunia global tanpa sempadan hari ini, faktor antarabangsa turut menyumbang kepada kedudukan Islam dan umatnya tanpa mengira sempadan geografi. Misalnya, peperangan terhadap terorisme yang diuar-uarkan oleh Amerika Syarikat telah memberikan implikasi yang besar kepada masyarakat Islam. Mereka bukan sahaja berhadapan dengan sikap prejudis dan imej yang buruk, bahkan di sesetengah tempat di Nusantara ini turut menerima akibatnya seperti dasar kawalan yang berlebihan dari kerajaan mengenai segala yang berkaitan dengan Islam dan penganutnya atas nama mengekang keganasan. Ini berlaku terutamanya dalam keadaan masyarakat Islam menjadi bangsa yang minoriti.

Ringkasnya, gelombang keempat ini menyaksikan perubahan dan revolusi mengenai peranan dan kedudukan Islam di negara-negara moden di Asia Tenggara. Di sebalik kekuatan dan kekangan yang dihadapi masyarakat Islam pada hari ini, mereka juga perlu berhadapan dengan pelbagai cabaran yang perlu ditangani dengan hikmah dan berdasarkan metode *wasatiyyah* yang dianjurkan oleh agama. Ia merupakan suatu perkara yang penting dan perlu difahami untuk memastikan kesinambungan dan kelangsungan Islam dan umatnya di wilayah Nusantara yang bertuah ini sebagaimana yang akan dijelaskan di bawah.

### ***WASATIYYAH: CITRA ISLAM DI NUSANTARA***

Islam ialah agama yang berteraskan kepada prinsip *wasatiyyah* yang biasa ditakrifkan sebagai pendekatan jalan tengah. Mengikuti prinsip *wasatiyyah* bermaksud melaksanakan tanggungjawab dan kewajipan secara sederhana, seimbang, adil dan saksama selaras dengan kehendak agama. Islam menitikberatkan aspek keseimbangan dan kesederhanaan secara komprehensif dalam apa jua aspek kehidupan. Misalnya, dalam menjalankan tugas sebagai khalifah atau pentadbir di bumi, manusia perlulah juga menghormati dan menjaga hak alam sekitar dan makhluk lain yang turut menghuni bumi ini seperti haiwan, tumbuhan dan sebagainya. Justeru, *wasatiyyah* sebenarnya merupakan teras utama agama Islam

sebagaimana yang disebarkan oleh Rasulullah SAW dan diamalkan oleh generasi awal Islam. Kesan daripada aplikasi mereka terhadap konsep inilah yang menyaksikan pengembangan dakwah Islam ke segenap pelosok alam.

Menariknya, sejak daripada awal lagi, *wasatiyyah* telah menjadi citra utama Islam di Nusantara. Jika dibandingkan dengan proses islamisasi yang berlaku di tempat lain, senario di Nusantara mempamerkan keunikan yang membentuk ciri-ciri dan identiti Islam di kawasan ini. Dari satu aspek, proses kedatangan Islam ke Nusantara berlaku bukan dengan cara kekerasan atau pertumpahan darah, bahkan melalui perdagangan dan aktiviti dakwah oleh para pendakwah, tokoh sufi, ulama dan sebagainya. Perkara ini juga diakui oleh John Crawford (1820: 275-276) yang meneliti faktor kejayaan Islam dan kegagalan mubaligh Kristian di Alam Melayu seperti berikut:

*"The success of the Mahomedan missionaries, contrasted with the failure of the Christian, it is not difficult to trace to the true cause. The Arabs and the other Mahomedan missionaries conciliated the natives of the country, -acquired their language, -followed their manners, -intermarried with them, -and, melting into the mass of the people, did not, on the one hand, give rise to a privileged race, nor on the other, to a degraded cast. Their superiority of intelligence and civilization was employed only for the instruction and conversion of a people, the current of whose religious opinions was ready to be directed into any channel into which it was skillfully diverted. They were merchants as well as the Europeans, but never dreamt of having recourse to the iniquitous measure of plundering the people of the produce of their soil and industry. This was the cause which led to the success of the Mahomedans; and it was naturally the very opposite course which led to the defeat of the Christians".*

Demikian juga, proses islamisasi tidak disertai dengan konfrontasi dengan mana-mana agama lain yang telah wujud di Alam Melayu ketika itu seperti Hindu, Buddha, animisme dan sebagainya. Sebaliknya, para pendakwah Islam turut menggunakan pendekatan asimiliasi dan toleransi dalam menyebarkan dakwah Islam selain menunjukkan contoh pekerti dan teladan yang mulia sehingga ia dapat memenangi hati dan budi masyarakat serantau. Sebagai contoh, penggunaan gamelan yang merupakan warisan Hindu Majapahit dalam aktiviti berdakwah oleh Wali Songo di Jawa (Hussin 2008: 13-14). Selain itu, Islam turut tersebar menerusi perkahwinan antara pemerintah Islam dengan puteri kerajaan bukan Islam sebagai salah satu bentuk siasah politik dan dakwah yang efektif dan aman.

Dari aspek aliran Islam yang dianuti oleh masyarakat Islam Nusantara juga memperlihatkan unsur *wasatiyyah* yang membentuk pemikiran dan peribadi masyarakat Islam serantau. Dalam hal ini, penting diperhatikan bahawa walaupun pada awalnya Islam yang tiba di Perlak dikatakan dari aliran Syiah, namun sejarah membuktikan bahawa masyarakat setempat sendiri yang bangkit menolak fahaman ini menerusi beberapa siri peperangan dan konfrontasi seperti yang telah dijelaskan di atas. Ini membuktikan bahawa ideologi yang ekstrem dan berbau polemik tidak disenangi masyarakat Nusantara berbanding ideologi Islam yang

sederhana dan moderat. Sebaliknya, aliran Ahli Sunnah wal Jamaah yang didasari oleh Ash'ariyyah dalam akidah dan mazhab Syafi'i dalam aspek ritual menjadi identiti umat Islam Nusantara sejak zaman berzaman seperti yang disaksikan sendiri oleh Ibn Batutah ketika perjalanannya ke Samudera-Pasai pada abad keempat belas lagi.

Demikian juga, sejarah membuktikan bahawa pandangan tasawuf falsafah dan pemahaman esoterik terhadap agama yang pernah tersebar di Nusantara suatu masa dahulu tidak berupaya menjadi ideologi yang menyatukan seluruh umat Islam. Sebaliknya, fahaman yang sedemikian telah menimbulkan kontroversi dan konflik yang berpanjangan dalam masyarakat mengenai isu-isu metafizik yang mungkin bermanfaat dari aspek ilmiah, namun memudaratkan pemahaman masyarakat umum terhadap agama dan membawa kepada perpecahan.

Sebagai contoh, sewaktu Kesultanan Demak di Jawa, tersebar ajaran agama yang dikembangkan oleh Syeikh Siti Jenar. Ajaran ini merupakan sinkritisme dari ajaran Islam dengan budaya Jawa dan berteraskan kepada konsep *wahdatul wujud* atau *manunggaling kawula gusti* (penyatuan hamba dengan Tuhan). Justeru, tidak perlu kepada pematuhan hukum Syarak jika seseorang itu misalnya sudah mencapai tahap hakikat. Walau bagaimanapun, fahaman ini ditentang keras oleh Wali Songo yang melabelkannya sebagai ajaran sesat yang mengancam keseluruhan konsep ajaran Islam. Justeru, ketika fahaman ini mula bertapak melalui Kesultanan Pajang, Sunan Kalijaga terpaksa mengambil langkah proaktif dan reaktif untuk memelihara keseimbangan sosial (*wasatiyyah*) dengan menjatuhkan hukuman mati ke atas Syeikh Siti Jenar. Ini bertujuan mengelakkan daripada berlaku keresahan dan konflik sesama orang Islam kelak dalam aspek pemahaman dan pelaksanaan syariat agama (Woodward 2008: 154, Darmawijaya 2010).

Senario yang hampir serupa juga pernah berlaku di Aceh. Menjelang abad ketujuh belas Masihi, fahaman *wahdatul wujud* tersebar dengan meluas di Aceh. Ia dipelopori oleh Syeikh Hamzah al-Fansuri dan kemudiannya oleh muridnya Syeikh Syamsuddin Pasai. Sewaktu pemerintahan Sultan Iskandar Muda, Syeikh Syamsuddin dilantik sebagai mufti kerajaan dengan gelaran *Syeikhul Islam*. Beliau menjadi orang yang kedua terpenting selepas Sultan dan fahaman yang dianutinya ini menjadi ajaran rasmi negara yang direstui Sultan. Selepas kematiannya, Syeikh Nuruddin al-Raniri tiba di Aceh dan berjaya mendapatkan kepercayaan Sultan Iskandar Thani. Beliau diberikan jawatan mufti kerajaan dan berusaha bersungguh-sungguh untuk membanteras sebarang ajaran sesat termasuk pengaruh Syiah yang mencaci Muawiyah dan anaknya Yazid menerusi fatwa yang dikeluarkannya. Beliau juga berpandangan fahaman *wahdatul wujud* yang dipelopori oleh Hamzah dan Syamsuddin adalah sesat dan ia dibanteras menerusi perdebatan dan fatwa. Dalam hal ini, beliau pernah menghukumkan pengikut *wahdatul wujud* sebagai kafir dan mereka dibunuh oleh Sultan Iskandar Thani dengan cara yang kejam dan mengerikan. Segala kitab karangan Hamzah dan Syamsuddin juga dikumpulkan di hadapan Masjid Baitur Rahman dan dibakar.

Walau bagaimanapun, tindakan keras dan ekstrem yang diambil oleh Syeikh Nuruddin tidak berjaya menyelesaikan masalah *wahdatul wujud*. Sebaliknya, lebih banyak cabaran dan masalah yang timbul, terutamanya berkaitan pembunuhan kejam para pengikut ajaran ini oleh Sultan. Salah seorang ulama *wahdatul wujud* bernama Saifurrijal yang juga murid kepada Syamsuddin pulang ke Aceh untuk bersemuka dengan Syeikh Nuruddin. Selepas beberapa siri perdebatan, Syeikh Nuruddin telah kalah dan pihak istana lebih cenderung kepada pandangan Saifurrijal. Ini memaksa Syeikh Nuruddin meninggalkan Aceh pada tahun 1644 Masihi dan jawatan mufti dikuasai kembali oleh Saifurrijal yang berfahaman *wahdatul wujud* (Daudy 2002).

Menariknya, fahaman ini hanya berjaya dikikis setelah Syeikh Abdul Rauf al-Fansuri menjawat jawatan Mufti Aceh. Beliau yang tidak bersetuju dengan tindakan keras Syeikh Nuruddin telah mengambil pendekatan yang berbeza iaitu menerusi asimilasi dan harmonisasi dan bukannya polemik. Hasilnya, fahaman ini secara beransur-ansur dapat dikurangkan pengaruhnya dan digantikan dengan fahaman tasawuf eksoterik yang bercirikan pandangan Imam al-Ghazali. Menjelang akhir abad kelapan belas Masihi, pengaruh Imam Ghazali merupakan antara yang paling dominan di Nusantara dalam aspek tasawuf. Ini membuktikan bahawa pendekatan yang ekstrem bukanlah menjadi jalan penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam di Nusantara. Sebaliknya, pendekatan yang berteraskan kepada hikmah dan *wasatiyyah* adalah yang terbaik dan paling efektif dalam menangani sesuatu isu.

Dari aspek pemerintahan pula, penerimaan Islam sebagai agama rasmi negara telah memberikan impak yang positif terhadap reputasi dan kestabilan politik dan sosial. Para pemerintah Islam Nusantara pada zaman silam bukan sahaja menghayati ajaran Islam berdasarkan prinsip *wasatiyyah*, bahkan mempraktikkannya dalam kehidupan seharian mereka. Justeru, konsep keadilan perundangan dan kesaksamaan hak melatari sistem pemerintahan mereka di sebalik acuan sistem feodal masyarakat tempatan yang telah wujud sejak sekian lama. Terdapat beberapa kesultanan seperti Kesultanan Melaka, Aceh dan Banten yang menerapkan undang-undang Islam sepenuhnya, manakala yang lainnya turut menerapkan hukum adat tempatan. Impak daripada penerapan nilai dan undang-undang Islam ini ialah wujudnya keamanan dalam negara dan pengurangan kadar jenayah yang dinikmati oleh semua lapisan masyarakat. Tiada perbezaan antara pesalah sama ada dari kalangan pemerintah atau rakyat jelata, semuanya tertakluk kepada undang-undang yang dilaksanakan dengan adil dan saksama.

Sebagai contoh, Kesultanan Melaka menerapkan Undang-Undang Melaka sebagai asas kepada sistem perundangannya. Ia meliputi dua aspek iaitu Hukum Kanun Melaka yang merangkumi hal-ehwal jenayah, muamalah, keluarga, keterangan dan acara dan sebagainya, serta Undang-Undang Laut Melaka yang mengandungi perkara berkaitan peraturan pelayaran dan perniagaan. Secara dasarnya, undang-undang ini adalah berteraskan kepada hukum-hakam Islam di samping hukum akal dan hukum adat (Abdullah 1990). Penguatkuasaan undang-undang ini merupakan antara faktor yang menjana kepesatan pembangunan Melaka sebagai pelabuhan entreport yang tersohor di zamannya. Kesungguhan pemerintah dalam

memastikan penghayatan dan pelaksanaan sistem pemerintahan yang adil juga dapat diperhatikan menerusi nasihat Sultan Mansur Shah kepada anak-anaknya seperti berikut (A.Samad 2003: 171-172):

*“Hei anakku, ketahuilah olehmu, bahawa dunia ini sekali-kali tiada kekal adanya. Yang hidup itu sedia akan mati juga sudahnya; iman yang sempurna dan pekerti yang baik, itulah yang kekal disebut orang selamanya. Adapun peninggalan aku ini, hei anakku, hendaklah engkau berbuat adil sangat-sangat, dan jangan engkau mengambil hak orang tiada sebenarnya. Makan haqqul Adam [sic] terlalu besar dosanya, tiada diampuni Allah subhanahu wa taala; melainkan dengan izin yang empunya hak juga...”*

Sewaktu pemerintahan Sultan Iskandar Muda, Aceh juga menerapkan undang-undang Islam dan memastikan prinsip keadilan dan kesaksamaan dilaksanakan sepenuhnya. Kemuncak kepada manifestasi keadilan Sultan Iskandar Muda ialah ketika beliau menjatuhkan hukuman rejam kepada puteranya sendiri Meurah Pupok yang terbukti melakukan kesalahan zina dengan isteri seorang perwira. Baginda juga pernah menyuarakan: “Mati anak ada makamnya, mati hukum ke mana hendak dicari” (Darmawijaya 2010: 45). Dengan terlaksananya sistem perundangan yang adil dan telus, Aceh berjaya menjadi salah sebuah kerajaan yang terkuat dan pelabuhan yang termaju di Nusantara setelah kejatuhan Melaka.

Sebaliknya, apabila seseorang pemerintah mengabaikan prinsip keadilan dan kesaksamaan berteraskan agama serta melakukan kezaliman dan bertindak sewenang-wenangnya berpandukan hawa nafsu dan ketamakan material, maka ia mengundang perbalahan dan kelemahan yang akhirnya membawa kepada kejatuhannya sendiri. Sebagai contoh, sewaktu pemerintahan Sultan Agung di Mataram, Islam mendapat tempat yang utama dalam kerajaan. Undang-undang negara adalah berasaskan hukum-hakam Islam dan para ulama mendapat kedudukan yang baik dalam pentadbiran. Impak daripada keadilan dan keseimbangan pemerintahannya, Kerajaan Mataram berjaya mencapai zaman kegemilangannya.

Walau bagaimanapun, penggantinya Sultan Amangkurat I berbeza sikapnya sama sekali. Beliau bukan sahaja berbaik-baik dengan Belanda, tetapi turut menzahirkan aspek kejawaannya berbanding identiti Islam yang ditonjolkan oleh bapanya sehinggakan beliau lebih selesa menggunakan gelaran “Susuhunan” berbanding “Sultan”. Beliau juga mengehendkan jurisdiksi pengadilan agama yang diberikan kedudukan yang tinggi oleh bapanya. Kemuncak sekatannya terhadap proses islamisasi di Jawa ialah ketika beliau menghukum bunuh sejumlah enam ribu orang ulama Islam yang didakwa bersekongkol dengan musuh untuk menjatuhkannya. Tindakan kejamnya ini menimbulkan pemberontakan rakyat yang akhirnya membawa kepada kejatuhan dan kemusnahannya sendiri (Vlekke 2008).

Impak daripada keadilan dan penerapan konsep *wasatiyyah* dalam pemerintahan kerajaan-kerajaan Islam Nusantara ialah wujudnya kestabilan sosial dalam kalangan masyarakat. Berbanding dengan ajaran Hindu yang membahagikan masyarakat kepada kasta-kasta

tertentu, kedatangan Islam menghapuskan diskriminasi dan strata sosial berteraskan prejudis. Sebaliknya, semua manusia adalah sama darjatnya dan yang membezakan antara satu dengan yang lain ialah tahap keimanan dan ketakwaannya sahaja. Walaupun struktur masyarakat Nusantara tradisional masih lagi terikat dengan sistem feodal, namun secara amnya Islam memberikan hak yang sama rata kepada semua lapisan masyarakat. Pelaksanaan undang-undang Islam di Kesultanan Islam di Nusantara menjadi manifestasi kepada prinsip ini yang tidak memilih bulu atau membezakan antara pemerintah dan rakyat.

Demikian juga, wujud toleransi yang tinggi antara pelbagai kaum yang datang berdagang dan menetap di bandar-bandar pelabuhan di Nusantara. Mereka bebas mengamalkan agama dan budaya mereka di bawah naungan pemerintahan yang seimbang berteraskan ciri-ciri *wasatiyyah*. Hasilnya, tidak hairanlah bandar-bandar seperti Melaka, Aceh dan sebagainya menjadi wadah tumpuan pelbagai kaum dan bangsa yang berinteraksi dengan rukun dan harmoni dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain.

Walau bagaimanapun, sekiranya keseimbangan yang terjalin dalam pelbagai aspek seperti yang dibincangkan di atas diganggu-gugat, nescaya akan memporak-perandakan kestabilan dan keharmonian dalam masyarakat, bukan sahaja antara orang Islam dengan bukan Islam, bahkan juga dalam masyarakat yang hanya terdiri dari kalangan orang Islam sahaja. Sebagai contoh, di Minangkabau pada tahun 1803 Masihi, terdapat tiga orang haji yang baru pulang dari Mekah iaitu Haji Miskin, Haji Piobang dan Haji Sumanik. Mereka menyebarkan fahaman yang dipelopori oleh Syeikh Muhammad ibn Abdul Wahhab di Nejd. Namun, ajaran mereka mendapat tentangan ulama lain di Minangkabau.

Pada masa yang sama, Tuanku Nan Renceh; seorang ulama tempatan bermazhab Syafi'i berazam untuk melakukan reformasi masyarakatnya terutamanya golongan adat (penghulu dan hulubalang) yang terang-terangan melakukan maksiat seperti berjudi, minum tuak, menyabung ayam dan sebagainya walaupun mengaku sebagai orang Islam. Beliau mendesak gurunya Tuanku Koto Tuo untuk menjalankan hukum hudud untuk menegakkan syariat Islam. Namun gurunya tidak bersetuju untuk melaksanakan hukum Islam dengan kekerasan senjata dan memilih jalan secara hikmah menerusi dakwah dan pendidikan yang berterusan.

Tuanku Nan Renceh pun bergabung tenaga dengan ketiga-tiga haji di atas dan membentuk organisasi yang dikenal sebagai Harimau Nan Salapan untuk menegakkan hukum Islam dengan kekerasan senjata. Sesiapa yang melanggar perintah seperti menyabung ayam dan sebagainya akan dihukum mati. Justeru, timbul konflik antara mereka dan kaum adat yang akhirnya merebak menjadi perang saudara yang dikenal sebagai Perang Padri antara tahun 1803 hingga 1833 Masihi. Kaum adat yang hampir kalah dalam peperangan ini telah meminta bantuan Belanda. Akibatnya, peperangan ini berakhir dengan kekalahan umat Islam dan seluruh Minangkabau berjaya dijajah oleh Belanda sehinggalah Indonesia mencapai kemerdekaannya pada tahun 1945 (Siradjuddin 2004). Ini menunjukkan betapa pentingnya pendekatan *wasatiyyah* dalam segenap aspek kehidupan kerana tindakan secara ekstrem dan melulu bukan sahaja akan memecahbelahkan masyarakat bahkan juga membawa kerugian dan kehinaan kepada umat Islam sendiri.

## **PENUTUP**

Ringkasnya, dapat dirumuskan bahawa kedatangan Islam ke Nusantara bukanlah bermula lewat pada abad ketiga belas Masihi sebagaimana yang dipercayai oleh sarjana Barat. Sebaliknya ia sudah bermula seawal abad-abad pertama Islam lagi. Selain kunjungan daripada para pedagang dan pendakwah Islam yang mengembara ke segenap pelosok Alam Melayu, pemerintahan Islam juga sudah mula diasaskan seawal abad kesembilan lagi di Perlak. Secara amnya juga, proses islamisasi di Nusantara telah berlaku lebih daripada satu milenium atau seribu tahun yang lampau melalui empat gelombang, seperti yang dibincangkan di atas, yang mempamerkan ciri-ciri dan skopnya yang tersendiri sesuai dengan peredaran zaman.

Sorotan daripada aspek sosio-sejarah proses islamisasi di Nusantara dari awal lagi sehingga ke hari ini menzahirkan dengan jelas kepentingan dan peranan penting prinsip *wasatiyyah* dalam memastikan penyebaran, pembangunan, transformasi dan kesinambungan masyarakat Islam di Nusantara sehingga ke hari ini. Menerusi prinsip *wasatiyyah* yang diamalkan juga, masyarakat Islam Nusantara telah berjaya membangunkan kesultanan-kesultanan yang bukan sahaja maju dari aspek ekonomi dan politik, bahkan seimbang dari aspek pembangunan sosial, pendidikan dan rohani masyarakatnya.

Menariknya, prinsip *wasatiyyah* sebenarnya telah berakar umbi dalam masyarakat Nusantara sejak daripada dahulu lagi. Ini terbukti menerusi penolakan mereka terhadap ideologi dan fahaman agama yang berasaskan polemik dan kontroversi serta sebarang tindakan yang boleh memecahbelahkan masyarakat. Menerusi sistem perundangan Islam yang dilaksanakan dengan hikmah juga telah mewujudkan keadilan dan kestabilan sosial yang membuahkan hubungan baik dan toleransi antara pelbagai kaum dan agama.

Sejarah juga telah membuktikan kesan dan akibat yang buruk yang menanti masyarakat sekiranya keseimbangan dan kesederhanaan yang sedia ada diganggu-gugat, baik dari aspek pemerintahan, kemasyarakatan, pemahaman dan pendekatan agama dan sebagainya seperti yang telah dipaparkan di atas. Kesemua ini seharusnya menjadi iktibar dan pedoman kepada masyarakat Islam kini untuk kembali berpegang teguh kepada prinsip *wasatiyyah* seperti yang dianjurkan oleh Islam dan diamalkan oleh masyarakat Nusantara silam dalam mengemudi cabaran-cabaran semasa dan mendatang dengan penuh kebijaksanaan dan kematangan agar kesinambungan Islam terjamin di rantau Nusantara yang bertuah ini.

## **BIBLIOGRAFI**

- A.Samad Ahmad, peny. 2003. *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Abdullah. 1997. *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Jakarta: Gema Insani Press.

- A.Al-Qari Salleh. 1991. "Sumbangan Kitab-Kitab Jawi dalam Perkembangan Islam di Alam Melayu", Kertas Kerja *Seminar Warisan Kitab-Kitab Melayu Lama*. Kuala Lumpur: BAHEIS, 25 hal.
- Abdullah Ishak. 1990. *Islam di Nusantara: Khususnya di Tanah Melayu*. Petaling Jaya: al-Rahmaniah.
- Arnold, Thomas W. 1986. *The Preaching of Islam*. London: Darf Publishers Ltd.
- al-Attas, S.M.N. 1969. *Preliminary Statement on A General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azra, Azyumardi. 2002. *Islam Nusantara: Jaringan Global dan Lokal*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Brown, Daniel W. 1996. *Rethinking Tradition in Modern Islamic Thought*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Crawfurd, John. 1820. *History of the Indian Archipelago Volume 2*. Edinburgh: Archibald Constable and Co.
- Darmawijaya. 2010. *Kesultanan Islam Nusantara*. Jakarta: Pustaka al-Kautsar.
- Daudy, Ahmad. 2002. *Allah dan Manusia dalam Konsepsi Syekh Nuruddin Ar-Raniry*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Hashim Musa. 2004. *Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia Menghadapi Globalisasi Barat*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hussin Mutalib. 2008. *Islam in Southeast Asia*. Singapura: ISEAS.
- al-Kattani, Ali al-Muntasir, peny. t.th. *Rihlah ibn Batutah al-Musammah Tuhfah al-Nazzar fi Ghara'ib al-Amsar wa 'Aja'ib al-Asfar*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Mohd Supian Sabtu. 2002. *Tamadun Awal Lembah Bujang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M.Mustaqim Mohd Zarif. 2008. *Jawah Hadith Scholarship in the 19<sup>th</sup> Century: A Comparative Study of the Adaptations of Lubab al-Hadith Composed by Nawawi of Banten and Wan Ali of Kelantan*. Tesis PhD University of Edinburgh.
- Nadvi, A. Syed Sulaiman. 1992. *Pelayaran Bangsa Arab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sa'ad Shukri Muda. 1971. *Detik-Detik Sejarah Kelantan*. Kota Baharu: Pustaka Aman Press.
- Shaffer, Lynda Norene. 1996. *Maritime Southeast Asia to 1500*. New York: M.E. Sharpe.
- Siradjuddin Abbas. 2004. *Sejarah dan Keagungan Madzhab Syafi'i*. Jakarta: Pustaka Tarbiyah.
- Snouck Hurgronje, C. 1931. *Mekka in the Latter Part of the Nineteenth Century*. Leiden: E.J. Brill.
- Al-Sufri, Awang Mohd Jamil. 2001. *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Tibbetts, G.R. 1979. *A Study of the Arabic Texts Containing Material on Southeast Asia*. Leiden: E.J. Brill.
- Vlekke, Bernard H.M. 2008. *Nusantara: Sejarah Indonesia*. Jakarta: Kepustakaan Popular Gramedia.
- Woodward, Mark R. 2008. *Islam Jawa: Kesalehan Normatif Versus Kebatinan*. Yogyakarta: LKIS.

